


Mampu serap tekanan ekonomi

■ ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR - Kerajaan mempunyai dasar dan polisi bersesuaian termasuk perancangan yang mampu menyerap tekanan ekonomi luaran mahupun dalaman untuk berdepan kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Othman Aziz berkata, walaupun sudah ada beberapa kesan ke arah kemelesetan ekonomi, namun pertumbuhan ekonomi negara masih di tahap memberangsangkan berbanding ekonomi negara serantau.

"Walaupun wujud kesan seperti kejatuhan nilai mata wang dan harga minyak, juga tidak menafikan wujud tekanan global kepada ekonomi negara, namun saya yakin dengan adanya dasar ekonomi mampan serta lain-lain dasar kerajaan yang diamalkan, negara mampu menyerap tekanan itu," katanya, pada sidang media, selepas majlis penyerahan kawasan baharu Lembaga Kemajuan



“ Pada masa sama, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menyerap tekanan ekonomi yang disebabkan oleh faktor dalaman atau luaran, agar dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang disasarkan.” - Othman

Pertanian Muda (Mada), semalam.

Menurutnya, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi stabil sekitar 4 hingga 4.5 peratus, yang didorong ekonomi domestik yang memiliki daya tahan susulan pelaburan swasta dan tempatan yang menjana pembangunan ekonomi negara.

"Pada masa sama, kerajaan ambil pelbagai langkah untuk menyerap tekanan ekonomi yang disebabkan oleh faktor dalaman atau luaran, agar dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang disasarkan," katanya.

Othman berkata, ini termasuk

dasar fiskal kerajaan yang bertumpu kepada pertumbuhan jangka panjang dan mampan, menyebabkan ekonomi negara masih stabil.

"Negara kita bergantung penuh kepada perdagangan luar negara, apa yang berlaku kepada negara luar turut beri kesan kepada Malaysia. Apa yang berlaku di Amerika Syarikat atau China umpamanya, negara kita juga terkesan," katanya.

Bagaimana pun, katanya, ekonomi negara akan menjadi lebih seimbang dan mampu bertahan apabila adanya aktiviti ekonomi domestik berterusan, walaupun

kesan kemelesetan ekonomi sudah dirasai.

"Faktor petunjuk prestasi ekonomi bukan sahaja bergantung pada faktor dalaman atau luaran, kerana masih wujud faktor yang boleh dikawal dan tidak boleh dikawal," katanya.

Menurutnya, Malaysia mengalami putaran ekonomi meleset setiap 10 tahun sekali, namun tidak mustahil ledakan teknologi maklumat memungkinkan putaran itu lebih cepat.

"Jika dikaji semula, kemelesetan berlaku sekitar 1987, 1997 dan kini menghampiri 2017-2018. Namun kerajaan sentiasa merangka pelan bersesuaian untuk berdepan kemungkinan situasi itu," katanya.

Othman berkata demikian ketika mengulas beberapa viral kebangkitan ini, yang menggambarkan ekonomi negara semakin meleset, antaranya menggesa rakyat berjimat cermat termasuk penutupan operasi beberapa syarikat serta institusi bank.